

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
SEMPENA HARI ULANGTAHUN KE-75 SEKOLAH MENENGAH  
PEREMPUAN SAINT MARY KUALA LUMPUR  
SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN SAINT MARY KUALA LUMPUR  
10 NOVEMBER 1987**

Yang Berbahagia Puan Hajah Badiyah bte Haji Abdul Manan, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan; Encik Geoffrey, Pengerus Lembaga Pengelola Sekolah; Yang Mulia Tengku Noorhaniah bte Tengku Shamsuddin, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru; Puan E.N. Richards, Pengetua Sekolah Menengah Perempuan Saint Mary; Dif-dif, guru-guru, ibu bapa-ibu bapa dan murid-murid sekalian.

Assalamualaikum dan selamat petang.

Sebagai bekas murid sekolah Saint Mary, saya merasa amat gembira kerana dapat berkunjung semula ke sekolah ini untuk sama-sama merayakan Hari Ulangtahunnya yang ke-75. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Lembaga dan sekolah di atas jemputan untuk menghadiri majlis yang bersejarah pada petang ini.

2. Apabila saya menjejak kaki di tangga sekolah tadi, terbayang di mata saya peristiwa-peristiwa manis sewaktu saya bersekolah di sini pada bulan Januari, 1934 hingga ke bulan Disember, 1941. Jelas pada pandangan saya bahawa sejak saya meninggalkan sekolah ini, banyak perubahan telah berlaku. Ketika saya di sekolah dahulu, bilangan pelajar hanya dua ratus lima puluh orang, dan kawasan sekolah diteduhi oleh pohon-pohon hijau. Pada hari ini, jumlah pelajar telah melebihi seribu dua ratus orang dan kawasan sekolah pula dikelilingi oleh bangunan-bangunan tinggi yang serba moden. Namun betapa tinggi sekalipun bangunan-bangunan di sekeliling sekolah ini, ia tidak dapat menghalang sinar kecemerlangan sekolah Saint Mary ini.

3. Saya masih ingat lagi peristiwa-peristiwa manis dan pahit selama 7 tahun saya bersekolah di sini. Guru-guru yang saya masih ingat ialah Miss Pring, Guru Besar sehingga Disember 1941; Miss Carpenter yang mula-mulanya memegang jawatan sebagai Penolong Guru Besar dan akhirnya sebagai Guru Besar juga; Miss Alice Jumeaux dan Miss Sybil Jumeaux; Miss Column, yang suka mencubit murid-murid yang nakal; Miss Martenz, Miss Edna Yzelman dan adiknya; Miss Alice Doughty - seorang guru yang berpengalaman luas dengan murid-murid Melayu di Saint Mary dan Kolej Perempuan Melayu sehingga tahun 1941; serta Mrs. McLeod yang mengajar bahagian Kindergarten, tetapi mengajar juga darjah satu dalam bacaan. Sebelum memulakan kelas, Mrs. McLeod suka menukar gambar-gambar daripada bungkusan coklat dengan murid-murid yang sama minatnya mengumpul gambar-gambar ini, gambar-gambar bintang filem, bunga-bunga atau binatang-binatang yang didapati dalam setiap bungkusan coklat.

4. Guru-guru dan murid-murid dalam tahun-tahun tiga puluhan mungkin tidak berapa banyak masalah seperti sekarang. Guru-guru tekun mengajar dan kami sebagai

murid-murid telah menerima ajaran dengan baik, menghormati mereka dan berdisiplin, berkenaan dengan pakaian seragam, kelakuan dan pelajaran. Persahabatan antara murid-murid amat tinggi. Ketika itu tidak banyak murid-murid Melayu bersekolah di sini. Dalam kelas saya, cuma empat orang sahaja anak Melayu. Namun begitu kami bermain dan berkawan dengan murid-murid lain dengan mesra.

5. Kemudahan sekolah ketika itu kurang. Setiap darjah pada perpustakaan sendiri dan saya bernasib baik menjadi Pustakawan darjah atau class librarian. Ini memberi saya peluang membaca setiap buku baru terlebih dahulu daripada rakan-rakan lain. Sekolah ini tiada makmal sains dan oleh itu mata-pelajaran sains seperti fizik dan kimia tidak diajar. Miss Pring sahajalah yang mengajar darjah lapan dan School Certificate (Senior Cambridge), mata-pelajaran biologi dan berusaha menunjukkan specimen-specimen katak, arnab dan 'foetus'dalam pengajarannya. Kekurangan ajaran ilmu sains di Saint Mary ketika itu mengakibatkan murid-murid yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi menerima latihan di Victoria Institution yang lengkap dengan makmal dan guru-guru sains.

6. Peristiwa yang amat pahit bagi kami berlaku pada bulan Disember 1941. Ketika itu kakak saya dan saya di darjah School Certificate. Peperiksaan akhir telahpun berjalan dua hari dan cuma tiga hari sahaja lagi untuk sempurna sebelum bercuti panjang. Pada 8hb. Disember 1941, sebaik sahaja sudah peperiksaan, saya berdua bertemu dengan Miss Pring dan Miss Carpenter di luar dewan ini. Pada hari-hari yang lain, mereka berdua tidak di luar dewan, tetapi pada hari itu, mereka berdua menunggu murid-murid keluar. Saya telah meminta jasa baik Miss Pring untuk memberi surat sokongan untuk mendapatkan 'concession ticket' keretapi untuk bercuti di Pulau Pinang. Miss Pring cuma berharap saya berdua akan bercuti dengan famili. Sebaik sahaja turun tangga di hadapan, kami terperanjat melihat bapa saya menunggu dengan kereta untuk membawa kami pulang. Biasanya kami pulang dengan bas. Setelah berada dalam kereta, barulah bapa saya memberitahu bahawa Pulau Pinang dan Singapura telah dibom oleh pihak Jepun pada pagi itu, dan Kelantan juga diserang oleh tentera Jepun. Kedua-dua kami bertanya hal seorang abang yang belajar di Raffles College, Singapura, dan berasa syukur bahawa dia selamat dan akan pulang ke Kuala Lumpur. Barulah kami faham kenapa Miss Pring tidak membuat apa-apa jawapan kepada permintaan saya untuk pergi ke Pulau Pinang.

7. Namun dalam keadaan perang, kakak saya dan saya telah pergi juga ke sekolah untuk menghabiskan peperiksaan akhir. Pada ketika itulah kami berjumpa dengan Miss Pring kali terakhir. Selepas perang dunia kedua, kami mendapat berita yang amat sedih mengatakan Miss Pring telah meninggal dunia di India. Sekolah Saint Mary benar-benar kehilangan seorang Guru Besar yang faham dan berjiwa pendidikan, sanggup menjalankan tugas dengan penuh dedikasi. Sungguhpun beliau seorang yang tegas, beliau adalah seorang Guru Besar yang amat baik dan berwatak lembut.

8. Saya percaya sikap ini terus dihayati oleh guru-guru sekarang. Saya mengucapkan tahniah atas pencapaian pelajar-pelajar di dalam semua bidang pelajaran dan ko-kurikulum yang semakin meningkat tahun demi tahun.

9. Saya diberitahu bahawa keputusan peperiksaan SPM pada tahun 1986 adalah 92.6% -- satu kejayaan yang sangat menggalakkan. Jumlah pelajar-pelajar yang berjaya memasuki Tingkatan Enam juga semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1985, bilangannya ialah 75 orang; pada 1986, jumlahnya ialah 103 orang, dan pada tahun 1987, bilangannya ialah 110 orang.

10. Memandangkan peningkatan bilangan yang ingin menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah di sekolah ini juga, ibu bapa dan pelajar-pelajar sekolah ini telah berusaha dengan gigihnya untuk mengutip wang bagi membiayai pembinaan bangunan Tingkatan Enam melalui pementasan muzika, jogathon dan jualan makanan. Usaha merekaini harus dipuji kerana mereka telah menunjukkan semangat berdikari dan sikap bertanggungjawab bagi mencapai cita-cita murni mereka. Saya berdoa semoga usaha mereka mencapai kejayaan sepenuhnya. Para hadirin sekalian,

11. Sebagai ibu bapa yang ingin melihat kejayaan anak masing-masing di hari depan, kita sudah tentu mengambil berat tentang pendidikan yang mereka lalui. Selain daripada pelajaran, ibu bapa sepatutnya menggalakkan anak-anak mereka menyertai kegiatan-kegiatan ko-kurikulum seperti berpersatuan, bersukan dan unit-unit beruniform kerana melalui kegiatan ini mereka dapat dilatih menjadi individu yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Aktiviti-aktiviti ini juga apat menghindarkan mereke daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini seperti penyalahgunaan dadah, dan daripada keruntuhan akhlak. Masalah penyalahgunaan dadah ini adalah satu masalah yang sedang mengancam anak-anak muda kita pada masa ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru ibu bapa-ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar supaya mengambil perhatian yang serius tentang bahaya ini, semoga anak-anak kita tidak terjerumus ke alam yang keji itu. Tuan-tuan dan puan-puan

12. Pelajar-pelajar Sekolah Saint Mary adalah terdiri daripada murid-murid yang berbilang kaum, agama dan kedudukan, tetapi mereka saling bekerjasama antara satu sama lain tanpa dihindar oleh perasaan perkauman. Inilah satu-satunya ciri yang harus dipupuk oleh murid-murid sekalian hinggalah mereka dewasa. Persefahaman dan saling menghormati antara satu dengan yang lain sangatlah penting dalam masyarakat kita. Persefahaman dan perpaduan bermula dari rumah antara ibu bapa dan anggota keluarga. Ini dilanjutkan antara kaum di sekolah-sekolah.

13. Adalah menjadi harapan saya bahawa sekolah ini akan terus memainkan peranannya yang penting bagi mendidik murid-muridnya untuk menjadi warganegara yang berguna. Dengan pimpinan dan didikan yang diterima di sini, saya percaya anak-anak yang keluar daripada sekolah ini akan menjadi individu-individu yang berpandangan luas, boleh berinteraksi antara satu sama lain tanpa mengira kaum, dan dengan itu, dapat mengelakkan sebarang polarisasi kaum. Moga-moga tradisi toleransi dan semangat berdikari yang dipupuk oleh pengasas sekolah ini akan berterusan demi kebaikan anak-anak kita semua. Murid-murid sekalian,

14. Saya berharap hari ulangtahun yang ke-75 ini dapat disambut dengan meriah dan penuh makna. Sebagai seorang pelajar di Sekolah Menengah Perempuan Saint Mary, kita patutlah berbangga dan berazam untuk tekun belajar dan mencapai kejayaan dalam peperiksaan setinggi-tingginya. Kejayaan saudara-saudari di masa hadapan bergantung kepada asas pendidikan yang saudara-saudari pelajari daripada guru-guru sekolah ini dan melalui pergaulan di antara kawan-kawan sebaya.

15. Tidak harus lagi berlaku perasaan perkauman antara murid-murid sekolah kerana kita anak Malaysia dan cintakan tanahair ini. Murid yang mempunyai rakan-rakan dari semua kaum adalah yang bertuah sekali, kerana ini akan meluaskan lagi pandangan dan pemikiran kita serta membentuk watak kita dengan perasaan kasih mesra, toleransi, sefahaman, dan disukai oleh ramai.

16. Sebaliknya, murid yang tidak mahu berkawan dengan orang lain adalah berpandangan cetek dan akan menimbulkan perasaan yang tidak sihat. Ini akan mengakibatkan perasaan iri-hati dan marah yang tentu sekali mengganggu pemikiran untuk belajar.

17. Dunia persekolahan adalah dunia yang paling gembira bagi seseorang itu sebelum ianya menjejak kaki ke alam di luar sekolah. Jadi ambillah peluang pendidikan di sekolah dengan sepenuh-penuhnya untuk membekal dan melengkapkan diri untuk masa hadapan saudara-saudari sekalian.

18. Akhirnya, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Majlis Hari Ulangtahun Sekolah Saint Mary ini, dan saya mengucapkan kepada guru-guru dan murid-murid sekolah ini selamat maju jaya untuk mencapai lebih banyak lagi kejayaan pada tahun-tahun hadapan. Sekian, terima kasih.